

05/03/2000

Singapura perlu selesai isu CPF

KUALA LUMPUR: Singapura diminta sekali lagi menyelesaikan segera isu pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) membabitkan pekerja Malaysia di republik itu dan tidak membiarkannya berlarutan.

Ketua Penerangan Umno Johor, Khaled Nordin, berkata mengikut peraturan CPF sekarang, pekerja Semenanjung, kecuali Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di republik itu dibenar mengeluarkan caruman apabila bersara (55 tahun).

Bagaimanapun, katanya, masalah timbul apabila pekerja berkenaan berhenti sebelum usia persaraan kerana mereka tidak dibenarkan mengeluarkan CPF masing-masing.

"Sepatutnya semua pekerja itu dibenar mengeluarkan caruman tanpa syarat dan had umur yang ketat seperti yang kita amalkan di Malaysia," katanya kepada Berita Minggu di sini, semalam.

Beliau berharap kerajaan Singapura akan memberikan kelonggaran yang tertentu kepada pekerja Semenanjung berasaskan persefahaman dan setiakawan Asean.

Masalah pengeluaran CPF ini timbul sejak beberapa tahun lalu dan ia pernah mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Sebelum itu, Dr Mahathir kurang memahami sikap kerajaan Singapura yang mengamalkan dasar membezakan antara pekerja dari Semenanjung dan Sabah-Sarawak yang berkhidmat di negara itu pada hal mereka datang dari negara yang sama, iaitu Malaysia.

Khaled yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya, berkata sebilangan kecil pekerja Semenanjung yang berkhidmat beberapa tahun di republik itu dan kemudiannya berhenti sebelum tempoh persaraan masih tidak layak mengeluarkan CPF mereka hingga sekarang.

Terdahulu, Khaled merasmikan pelancaran pameran lima hari Homdex 2000 yang berlangsung di Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa (ITECS) Terminal I, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang, dekat sini.

(END)